

## **PENDEKATAN RASULULLAH SAW DALAM BERINTERAKSI DENGAN MASYARAKAT TERISOLASI: APLIKASI TERHADAP MASYARAKAT ORANG ASLI**

**Paiz Hassan\***

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

**Mohd Anuar Ramli**

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur,  
Malaysia

**Muhammad Yusri Yusof@Salleh**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

**Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

**Abd Munir Mohamed Noh**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Tapah, Tapah Road, 35400 Perak, Malaysia

**Muhd Imran Abd Razak**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

**Abd Nasir Musa**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Seri Iskandar, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia

\*Corresponding Author's Email: paiz4186@uitm.edu.my

### **Article history:**

*Received : 20 Oktober 2023*

*Accepted : 13 November 2023*

*Published : 22 Disember 2023*

## ABSTRAK

Rasulullah SAW merupakan contoh teladan bagi umat Islam dalam segala aspek kehidupan, termasuk pendekatan Baginda dalam berinteraksi dengan masyarakat terisolasi seperti Arab Badwi dan mualaf. Mualaf, yang merupakan golongan yang baru memeluk agama Islam terisolasi dalam konteks budaya sementara Arab Badwi pula tinggal di kawasan pedalaman dan menjalani kehidupan yang terasing daripada masyarakat bandar. Justeru itu pendekatan yang diketengahkan kepada mereka pasti berbeza berbanding dengan masyarakat yang menetap di bandar atau mereka yang telah lama memeluk Islam. Masyarakat orang asli pula dilihat mempunyai persamaan dengan golongan tersebut dalam konteks sosiobudaya. Oleh itu, kajian ini akan melihat panduan dan pendekatan Rasulullah SAW dalam berinteraksi dengan golongan terisolasi supaya ianya boleh dijadikan panduan kepada golongan pendakwah dan tenaga pengajar apabila berhadapan dengan masyarakat Islam orang asli. Kajian ini menggunakan pendekatan kepustakaan sepenuhnya dengan melakukan tinjauan terhadap analisis dokumentasi yang terdiri daripada kitab turath, artikel jurnal, kertas kerja seminar dan lain-lain. Dapatkan kajian mendapatkan kedudukan masyarakat orang asli hampir menyamai masyarakat arab badwi ketika permulaan Islam dan juga termasuk dalam golongan mualaf. Rasulullah SAW mendekati mereka dengan cara yang baik dan lembut kerana Baginda SAW memahami perihal Arab Badwi dan mereka yang baru memeluk Islam. Mengeluarkan masyarakat dari kekufuran kepada cahaya keislaman merupakan agenda paling penting ketika itu disusuli dengan taklifan syarak secara *tadarruj* dan *taysir*. Lantaran itu masyarakat Islam orang asli juga perlu didekati dengan pendekatan sebegini supaya Islam dilihat sebagai sebuah agama yang mudah untuk diamalkan.

**Kata Kunci:** Mualaf ; Arab Badwi ; Orang Asli, *Taysir*, *Tadarruj*

## ***THE APPROACH OF THE PROPHET MUHAMMAD (PBUH) IN INTERACTING WITH ISOLATED COMMUNITIES: APPLICATION TO THE INDIGENOUS PEOPLES***

### **ABSTRACT**

*Prophet Muhammad SAW serves as a role model for Muslims in all aspects of life, including his approach to interacting with isolated communities such as the Arab Bedwi's and mualaf. Mualaf, who newly embraced Islam, find themselves isolated in cultural contexts, while Arab Bedwi's reside in remote areas, leading a life detached from urban society. Therefore, the approach presented to them differs significantly from that of people settled in urban areas or those who have been Muslims for a long time. Indigenous peoples are also seen to share similarities with these groups in terms of sociocultural context. Hence, this study will examine the guidance and approach of Prophet Muhammad SAW in interacting with isolated communities to*

*provide guidance for preachers and educators when dealing with indigenous Muslim communities. This study entirely adopts a literature review approach by analyzing documentation, including traditional texts, journal articles, seminar papers, and others. The findings indicate that the position of indigenous communities closely resembles that of the Arab Bedwi's during the early days of Islam, and they are also considered among the mualaf. Prophet Muhammad SAW approached them with kindness and gentleness because he understood the circumstances of the Arab Bedwi's and new mualaf. Guiding people from disbelief to the light of Islam was the most crucial agenda at that time, followed by religious responsibilities in a gradual and facilitative manner (tadarruj and taysir). Therefore, indigenous Muslim communities should also be approached with such a method, making Islam appear as a religion that is easy to practice.*

**Keywords:** Mualaf; Arab Bedouins; Indigenous Peoples, Taysir, Tadarruj


## PENDAHULUAN

Nabi Muhammad SAW dianggap sebagai ‘*uswah hasanah*’ atau contoh ikutan terbaik untuk diikuti oleh manusia. Interaksi Baginda SAW dengan masyarakat sama ada bersama sahabatnya, golongan terisolasi, *non-muslim* dan musuh boleh dijadikan panduan dan ikutan. Baginda SAW melayani mereka dalam pelbagai pendekatan dengan melihat kepada latar belakang dan perihal seseorang itu. Pendekatan kepada mereka yang telah lama Islam berbeza dengan golongan yang baru memeluk Islam. Begitu juga pendekatan dengan penduduk di bandar berbeza dengan penduduk di luar bandar. Ini menunjukkan kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam menyampaikan ajaran Islam supaya Islam itu dilihat mudah dan tidak membebankan.

Kelompok terisolasi yang mendapat perhatian khusus Rasulullah SAW ialah Arab Badwi dan golongan mualaf. Mereka terisolasi dalam aspek sosiobudaya bahkan masyarakat Arab Badwi penempatan mereka berada jauh daripada kawasan bandar. Masyarakat orang asli di Malaysia dilihat mempunyai persamaan dengan kelompok ini. Kedudukan mereka boleh dikatakan menyamai kedudukan Arab Badwi di zaman Rasulullah SAW iaitu kelompok masyarakat yang terisolasi daripada masyarakat bandar. Keterasingan masyarakat orang asli boleh dilihat dalam aspek geografi dan sosiobudaya. Begitu juga keadaannya dengan masyarakat Arab Badwi yang mana keterasingan mereka dapat juga dilihat dalam aspek yang sama. Titik persamaan ini boleh dilihat seperti mana dalam Rajah 1.

Merujuk Rajah 1, golongan Badwi merupakan masyarakat yang tinggal di padang pasir iaitu terletak di tengah-tengah Semenanjung Arab dan tidak menetap di kawasan bandar. Mereka menjalankan kehidupan secara nomad iaitu berpindah randah untuk mencari sumber makanan dan minuman (Jawad ‘Ali, 1968). Mereka tidak akan memasuki bandar kecuali adanya keperluan. Oleh sebab itu, sikap mereka agak kasar dan kurang berpengetahuan (Al-Syawkani, 2007). Begitu juga keadaannya masyarakat orang asli yang turut mendiami kawasan pedalaman iaitu di kawasan Banjaran Titiwangsa semenanjung Malaysia. Hampir keseluruhan daripada

mereka tinggal di kawasan pedalaman atau pinggir bandar manakala hanya 1% sahaja yang berada di kawasan bandar (Muhammad Yusuf, 2017). Corak kehidupan harian mereka juga menyamai Arab Badwi iaitu mencari makanan sekeliling mereka untuk kelangsungan kehidupan dan berpindah ke tempat lain apabila kehabisan makanan di tempat tersebut.



**Rajah 1:** Ciri Persamaan Isolasi Sosiobudaya Masyarakat Orang Asli dan Arab Badwi

Arab Badwi merupakan masyarakat yang mempunyai kadar literasi yang sangat rendah. Mereka tidak mempunyai pengetahuan yang tinggi lantaran kedudukan mereka yang jauh daripada kawasan bandar. Apa yang mereka miliki hanyalah aspek kemahiran seperti perternakan, pertanian dan berburu bagi kelangsungan kehidupan mereka (Mohd Faizal, 2019). Bahkan kejahilan mereka menyebabkan kesaksian mereka tidak boleh diterima. Ini dapat difahami daripada hadis yang disampaikan oleh Abu Hurairah RA seperti berikut:

*Terjemahan: Daripada ‘Ata’ bin Yasar, daripada Abu Hurairah RA.  
 Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Tidak harus diterima kesaksian Arab Badwi ke atas penduduk bandar”  
 (Sunan Abi Dawud, Kitab al-Aqdiyyah, Bab al-Syahadah fi al-rida’, no. hadis 3602)*

Hadis di atas menunjukkan kesaksian golongan Arab Badwi tidak boleh diterima kerana terdapat kecurigaan terhadap kredibiliti mereka disebabkan faktor kejahanan mengenai hukum syarak dan ketidakupayaan mereka untuk memberi keterangan ke atas penduduk bandar (al-Bayhaqi, 1989). Keterasingan masyarakat Badwi dalam aspek fizikal dapat dilihat apabila mereka mendiami kawasan padang pasir yang serba-serbi kekurangan ditambah penguasaan ilmu yang lemah menyebabkan tahap intelektual mereka sangat lemah dan seterusnya memberi kesan kepada kekuatan ingatan dan tidak mampu untuk memberi keterangan atau kesaksian yang baik di hadapan hakim. Di samping itu mereka juga tidak tahu perihal pentingnya nilai kesaksian dan nilai kebertanggungjawapan terhadap keterangan yang mereka berikan. Ini menyebabkan keterangan mereka boleh dipertikaikan disebabkan faktor tersebut (Al-‘Abbad, n.d.). Faktor ini juga membelenggu masyarakat orang asli sekian lamanya. Kadar buta huruf mereka sangat tinggi lantaran pengabaian mereka dalam aspek pendidikan walaupun pelbagai bantuan telah diberikan (Wan Afizi, 2017). Ini menunjukkan masyarakat Arab Badwi dan orang asli mempunyai persamaan nilai isolasi dalam aspek penguasaan ilmu pengetahuan.

Selain itu, masyarakat Arab Badwi juga mempunyai tahap pengetahuan agama yang agak rendah berbanding kaum arab yang lain. Komunikasi Nabi Muhammad SAW dengan mereka sangat ringkas dan menjurus kepada perkara asas dalam beragama. Perkara ini juga terdapat dalam masyarakat orang asli di mana tahap pengetahuan mereka dalam persoalan agama sangat cetek. Kebanyakan daripada mereka tidak melaksanakan tuntutan agama meskipun pelbagai usaha telah dijalankan kepada mereka. Faktor utama yang membelenggu mereka ialah kepercayaan animisme yang sangat menebal dan tahap kesedaran yang minima (Abdul Ghafar Don, 2014).

Kedudukan masyarakat Islam orang asli juga termasuk dalam kategori mualaf. Perkataan mualaf dapat dilihat dalam al-Quran iaitu kalimah *al-mualafah qulubuhum* digunakan sebagai salah satu asnaf zakat. Al-Syafi’i menjelaskan mualaf di sini bermaksud mereka yang memeluk agama Islam. Lantaran itu, zakat tidak boleh diberikan kepada orang bukan Islam (Al-Syafi’i, 1993). Terdapat juga fuqaha yang memperluaskan cakupan mualaf iaitu merangkumi golongan bukan Islam yang mahu dilembutkan hati mereka supaya cenderung kepada Islam (Al-Nawawi, n.d.). Al-Qardawi ketika membincangkan ayat *al-mualafah qulubuhum* merujuk mereka sebagai seseorang yang dilembutkan hati supaya cenderung kepada Islam atau memantapkan hati mereka, atau menegah perbuatan jahat kepada orang Islam, atau mengharapkan manfaat mereka dalam mempertahankan diri daripada mereka atau membantu mereka ketika berhadapan dengan musuh mereka dan lain-lain (Al-Qardawi, 1973). Secara rumusannya bolehlah dikatakan mualaf merujuk kepada mereka yang dilembutkan hati untuk berminat kepada Islam atau seseorang yang baru memeluk agama Islam. Mereka juga dikenali dengan gelaran saudara baru (Kamus Dewan Edisi Keempat, carian=mualaf).

Manakala dalam sunnah nabawiyah ungkapan *al-muslim al-jadid* (muslim baru) tidak digunakan. Ungkapan yang digunakan ialah *hadith ‘ahd bi kufr* atau *hadith ‘ahd bi syirk* atau *hadith ‘ahd bi jahiliyyah* (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 1959). Ini dapat dilihat dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah RA:

*Terjemahan: "Wahai Aisyah! Seandainya kaummu bukan orang-orang yang baru sahaja berlalu daripada kemusyrikan, pasti aku akan merobohkan Kaabah dan meratakaninya dengan tanah. Aku akan jadikan dua pintu baginya, satu pintu di sebelah timur dan satu pintu di sebelah barat. Aku akan tambah luasnya enam hasta lagi dari Hjr Ismail. Sesungguhnya orang Quraisy telah membatasinya ketika mereka membangunkan Kaabah"*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Haj, Bab Fadl Makkah wa bunyanuha, no. hadis 1586)

Hadis ini juga menunjukkan pendekatan Rasulullah SAW dalam menangani golongan mualaf di mana baginda SAW tidak melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan ketegangan dan ketidakpuasan golongan Quraisy yang baru memeluk Islam. Baginda SAW tidak melanjutkan hasratnya untuk mengembalikan kaabah mengikut strukturnya yang asal (Ibn al-Mulaqqin, 2008). Tindakan ini menzahirkan kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam menguruskan umatnya.

Orang yang baru memeluk Islam keimanan mereka masih lemah dan pada masa yang sama perlu melaksanakan segala taklifan syarak seperti solat fardu, puasa Ramadhan, menutup aurat, memakan makanan yang halal dan sebagainya. Ianya dilihat sebagai suatu yang terlalu asing dalam kehidupan mereka sebagai muslim baru. Amalan yang telah mereka lakukan sebelum ini barangkali terpaksa ditinggalkan atau diubahsuai kerana bertentangan dengan ajaran Islam. Perkara ini bukanlah sesuatu yang mudah dan mungkin sukar untuk mengubah sesuatu yang telah sebatи dalam diri mereka. Bukan itu sahaja, mereka juga perlu melaksanakan beberapa kewajipan yang difardukan ke atas mereka. Ini semua memerlukan perubahan yang cukup ketara dan jika tidak ditangani dengan baik, ia boleh mendorong kepada golongan mualaf untuk kembali kepada agama asal mereka (Abdullah Ibrahim, 2021) dan seterusnya membentuk suatu pemikiran bahawa Islam adalah agama yang sukar dan dipenuhi dengan pantang larang.

Lantaran itu, kertas kerja ini menjurus kepada teladan dan petunjuk Rasulullah SAW dalam menangani masyarakat terisolasi iaitu golongan mualaf dan Arab Badwi. Petunjuk tersebut boleh dijadikan panduan kepada golongan pengajar dan pendakwah dalam mendekati dan berinteraksi dengan masyarakat Islam orang asli di Malaysia.

## SOROTAN LITERATUR

Dalam kajian lepas terdapat beberapa pendekatan yang diguna pakai dalam berinteraksi dengan orang asli. Tahap penguasaan dan penghayatan yang rendah terhadap amalan beragama di kalangan masyarakat orang asli mendorong Zulkefli Aini (2019) menjalankan kajian bagi mengenal pasti bentuk komunikasi dakwah yang digunakan oleh pendakwah semasa mengadakan kelas bimbingan fardu ain kepada masyarakat muslim orang asli. Temu bual mendalam digunakan sebagai kaedah memperolehi data bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati komunikasi dakwah secara berhikmah merupakan pendekatan yang seringkali

dilakukan oleh informan kajian ketika membimbing mereka dalam kelas fardu ain. Pendekatan *awlawiyyat*, komunikasi mengikut aras dan kemampuan sasaran dakwah, mempermudahkan penjelasan, pengajaran secara beransur-ansur dan latih tubi merupakan intipati dalam proses PdP bersama masyarakat Islam orang asli.

Kajian oleh Zulkefli dan Abdul Ghafar (2020) mendapati aspek kemahiran komunikasi menjadi salah satu faktor penting dalam mendekati masyarakat orang asli bagi menjayakan misi dakwah kepada mereka. Hal ini turut ditegaskan oleh Nur Damia dan Zulkefli (2017) bahawa penggunaan bahasa dakwah yang sesuai seperti bahasa yang mudah, bahasa yang baik dan benar, bahasa yang sopan dan jelas seharusnya dimiliki oleh setiap pendakwah. Metode kemesraan dan mempengaruhi dilihat sebagai elemen utama dalam penyampaian Islam kepada mereka (Azizul Azra dan Mohd. Hisyam, 2017).

Mohd Faizal (2019) pula melihat kepada strategi Rasulullah SAW dalam tindak tutur perbualan bersama dengan masyarakat Badwi dan Ansar. Hasil kajian mendapati Baginda SAW menggunakan pendekatan komunikasi yang berbeza apabila berinteraksi dengan masyarakat Badwi dan Ansar. Asas perbezaan ini berdasarkan latar belakang yang sangat berbeza di antara kedua golongan ini iaitu mereka yang terkesan dengan isolasi dan mereka yang tidak terkesan. Mohamad Zulkifli (2017) menerokai kajian berkaitan peri pentingnya penerapan *fiqh awlawiyyat* dalam konteks dakwah kepada golongan mualaf. Bersesuaian dengan status mereka sebagai saudara baru yang baru mengenali Islam maka para pendakwah perlu mengutamakan perkara-perkara asasi dalam pendekatan dakwah kepada mereka. Asas akidah perlu diutamakan berbanding perkara lain. Uslub yang memudahkan dan meringankan perlu diketengahkan berbanding yang membebankan dan menyukarkan. Penguasaan *fiqh* keutamaan oleh para *da'i* akan menyebabkan dakwah dan pengajaran lebih berkesan dan menampakkan Islam sebagai sebuah agama yang mudah dan sekaligus mampu menolak dakwaan dan prasangka masyarakat *non-muslim* bahawa Islam agama yang menyukarkan. Kepentingan maqasid al-syariah dalam interaksi bersama saudara baru orang asli merupakan fokus kajian oleh Mohamad Zulkifli (2014). Dapatkan kajian menunjukkan peri pentingnya tenaga pengajar untuk memahami konsep maqasid syariah dalam usaha mendekati masyarakat orang asli. Kekeliruan terhadap persoalan *fiqh* berpunca daripada para pengajar yang tidak dapat menjelaskan secara objektif persoalan akidah, syariah dan akhlak. Lantaran itu penekanan terhadap penjagaan maqasid agama, nyawa, akal, keturunan dan harta perlu diterapkan kerana mereka baru memeluk Islam serta cuba menyesuaikan diri dengan ajaran Islam.

Selain itu, Zohdi Amin (2017) pula mengkaji kaedah *taysir* dalam pendekatan interaksi kepada masyarakat orang asli. Masyarakat orang asli dibebani dengan taklifan untuk melaksanakan segala perintah dalam syariat Islam dengan panduan hukum yang ada kalanya bertentangan dengan adat resam serta kebudayaan mereka. Para pendakwah dan pengajar membawa pendekatan yang tidak berlandaskan prinsip *taysir* terutama dalam aspek pemakanan, bersuci dan ibadah. Hasilnya masyarakat orang asli semakin jauh dari penghayatan Islam dan ada di antara mereka yang kembali semula ke agama asal. Oleh itu pendekatan model *taysir* hukum halal haram perlu dikemukakan dalam ruang lingkup yang dibenarkan dalam syariat Islam.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kepustakaan sepenuhnya dengan melakukan tinjauan terhadap analisis dokumentasi yang terdiri daripada kitab turath, artikel jurnal, kertas kerja seminar dan lain-lain. Menurut Yin (2003), analisis dokumen sering digunakan dalam kajian kes kualitatif yang merupakan satu kajian intensif yang menghasilkan deskripsi yang banyak mengenai sesuatu fenomena, peristiwa, organisasi atau program. Bagi pencarian data melalui pendekatan dokumen ini, pengkaji mengunjungi beberapa perpustakaan universiti seperti perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, perpustakaan utama Universiti Malaya dan perpustakaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak. Pencarian tertumpu kepada bahan bercetak seperti buku, kitab, tesis, majalah dan lain-lain. Selain itu pengkaji juga merujuk kepada perisian digital iaitu al-Maktabah al-Syamilah versi 4.0. Pencarian terarah kepada kitab-kitab *fiqh turath* yang mengandungi intipati perbincangan dan perbahasan fuqaha mengenai permasalahan kajian. Pengkalan data yang terdapat di perpustakaan universiti juga dimanfaatkan sepenuhnya. Pengkaji menggunakan pengkalan data di perpustakaan UiTM (<https://library.uitm.edu.my/en/collection>) yang mempunyai lesen yang sah untuk mengakses artikel jurnal, e-book dan tesis seperitimana yang terdapat dalam online database, Ebooks, Institutional Repository, ejurnal, Research Repository dan sebagainya. Antara pengkalan data yang dilayari ialah Emerald, Taylor & Francis, SAGE Knowledge, SpringerLink Open Access, ScienceDirect, Web of Knowledge, Wiley Online Library dan lain-lain.

Selain itu, pengkaji juga turut melayari laman sesawang yang boleh dimuat turun secara percuma seperti Google Scholar (<https://scholar.google.com>), Academia.edu (<https://www.academia.edu>) dan Researchgate (<https://www.researchgate.net>). Bagi memudahkan pencarian artikel jurnal pengkaji memanfaatkan kelebihan yang ada pada perisian Mendeley di mana sistem akan mengenal pasti artikel-artikel yang mempunyai persamaan dengan artikel yang telah dimuat turun dan mencadangkan kepada pengguna untuk memuat turun secara langsung.

## DAPATAN KAJIAN

Rasulullah SAW mempunyai pendekatan yang tertentu dalam mendekati dan berinteraksi dengan masyarakat terisolasi terutamanya golongan mualaf dan Arab Badwi. Golongan mualaf terdiri daripada latar belakang yang berbeza-beza. Ada di antara mereka yang mengetahui serba sedikit mengenai Islam kerana berada dalam lingkungan masyarakat Islam dan ada di antara mereka yang tidak tahu langsung kerana faktor lokasi dan sebagainya. Ada juga di antara mereka yang sudah berakar umbi dan sebatи dalam amalan adat tradisi yang sukar ditinggalkan melainkan memerlukan keazaman dan tekad yang tinggi bagi mengubah kepada cara hidup Islam. Ini memerlukan pendekatan yang berhikmah dalam menangani permasalahan tersebut. Nabi SAW mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam berinteraksi dengan golongan mualaf seperti mana berikut:

## 1) Pendekatan *Tadarruj*

Orang yang masuk Islam perlu dilayani dengan lembut dan kasih sayang. Lantaran itu tidak boleh kita membebankan mereka dengan sesuatu yang di luar kemampuan atau bersikap terlalu keras pada peringkat permulaan mereka mengenal Islam. Nabi SAW apabila berhadapan dengan persoalan daripada saudara baru, Baginda menggunakan pendekatan menerangkan perkara yang paling asasi dan penting dalam Islam. Baginda SAW tidak mengajar kesemua ajaran Islam secara sekaligus kepada mereka memandangkan keadaan mereka yang baru sahaja mengenal Islam dan pada masa yang sama mereka perlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan agama yang baru sahaja mereka anuti (Jum’ah Amin, 1999). Ini dapat dilihat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Talhah bin ‘Ubaidillah RA:

Terjemahan: *Telah datang kepada Rasulullah SAW seorang lelaki daripada penduduk Najd dan kami mendapati keadaan rambutnya yang kusut, terdengar gema suaranya tetapi tidak dapat difahami kata-katanya sehingga dia menghampiri. Rupa-rupanya dia bertanya mengenai Islam, maka Rasulullah SAW menjawab: “Solat lima kali sehari semalam”. Lelaki itu bertanya lagi: “Apakah ada lagi selainnya buatku?”. Nabi SAW menjawab: “Tidak ada kecuali yang solat sunat”. Rasulullah SAW berkata lagi: “Dan puasa di bulan Ramadhan”. Lelaki itu bertanya lagi: “Apakah ada lagi selainnya buatku?”. Rasulullah SAW menjawab: “Tidak ada kecuali puasa sunat”. Rasulullah SAW menyambung lagi: “Zakat”: Lelaki itu bertanya lagi: “Apakah ada lagi selainnya buatku? Rasulullah SAW menjawab: “Tidak ada kecuali sedekah sunat”. Talhah berkata: Lelaki itu pun berlalu pergi sambil berkata: “Demi Allah, aku tidak akan menambah atau menguranginya”. Maka Rasulullah SAW berkata: “Dia akan beruntung jika dia menepatinya”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab al-Zakat min al-Islam,  
no. hadis 46)

Hadis ini menganjurkan kepada mereka yang baru memeluk Islam memadai untuk melaksanakan amalan wajib sahaja pada peringkat awal sehingga keimanan mereka semakin teguh dan kefahaman mereka terhadap Islam semakin jelas. Apabila sudah sampai ke peringkat ini maka amalan sunat sudah pasti mudah untuk dilakukan oleh mereka (Al-Suyuti, 1998). Sekiranya mereka dibebani dengan suatu bebanan yang tidak dapat dilaksanakan dan tidak meraikan pendekatan *tadarruj* iaitu secara beransur-ansur dikhuatiri ianya menjadi sebab untuk mereka keluar dari agama Islam atau sekadar menjadi seorang muslim yang tidak melaksanakan perintah agama.

Pensyariatan Islam juga melalui proses bertahap dan tidak secara sekaligus. Ianya bagi membolehkan muslim baru menerima taklifan berdasarkan kemampuan dan keupayaan mereka ketika itu seperti mana kata ‘Aisyah RA:

Terjemahan: “*Sesungguhnya surah yang awal diturunkan ialah daripada kelompok surah mufassal, dalamnya terdapat penceritaan mengenai syurga dan neraka, sehingga apabila semakin mantap keislaman mereka maka turunlah ayat halal dan haram. Seandainya ayat yang pertama turun adalah larangan minum arak nescaya mereka pasti akan berkata: “Kami tidak akan meninggalkan arak selama-lamanya”. Demikian juga seandainya ayat yang pertama turun tentang larangan zina, maka mereka akan berkata: “Kami tidak akan meninggalkan zina selamanya …”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Kitab Fadail al-Quran, Bab Ta’lif al-Quran, no. hadis 4993)

Hadis di atas menunjukkan peringkat penurunan syariat Islam yang bermula daripada seruan tauhid dan seterusnya kepada persoalan hukum hakam. Asasnya mudah sahaja iaitu supaya syariat Islam mudah diterima oleh manusia. Keringanan, kemudahan dan kesenangan merupakan istilah yang sering kedengaran apabila berinteraksi dengan mereka ini. Gambaran ini juga dapat dilihat dalam komunikasi antara ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz dengan anaknya ‘Abd al-Malik, ketika mana anaknya berhasrat hendak menerapkan pelaksanaan syariat secara keseluruhan lalu mendapat teguran daripada ‘Umar dengan katanya (al-Syatibi, n.d.):

Terjemahan: “*Jangan tergesa-gesa wahai anakku. Sesungguhnya Allah mencela khamar dalam al-Quran sebanyak dua kali dan mengharamkannya pada kali yang ketiga. Aku khuatir sekiranya aku melaksanakan kebenaran kepada orang ramai secara sekaligus, maka mereka akan menolak kesemuanya dan ini merupakan fitnah.*”

Dalam hadis yang lain, Nabi SAW menerima seorang lelaki yang hendak masuk Islam dengan syarat hanya mahu melaksanakan ibadah solat dua waktu sahaja sepetimana dalam hadis bawah:

Terjemahan: *Seorang lelaki datang menemui Nabi SAW dan menyatakan bahawa dia hanya akan masuk Islam dengan syarat dia hanya mahu solat dua waktu sahaja dalam sehari dan permintaannya diterima oleh Baginda SAW. Dalam lafadz yang lain “tidak akan solat melainkan satu waktu sahaja, maka diterima oleh Baginda SAW”*

(Musnad al-Imam Ahmad, Hadith rijal min ashab al-Nabiy SAW, no. hadis 20286)

Nabi SAW menerima kemahuan lelaki tersebut sebagai langkah untuk melembutkan hatinya bagi menerima agama Islam. Boleh jadi sebahagian orang bukan Islam tidak memahami ajaran Islam yang sebenar atau merasa taklifan tersebut sangat berat untuk mereka. Penerimaan mereka dalam Islam sebagai langkah permulaan dan diikuti dengan penerangan, pengajaran dan nasihat mengenai Islam. Apabila kemanisan dan kekuatan keimanan semakin mantap semestinya

mereka ini akan berilitizam dengan perintah syariat (Muhammad Salih al-Munjid, 2009).

## 2) Pendekatan *Taysir*

Islam adalah agama yang mudah. Pendekatan *taysir* merupakan salah satu ciri utama manhaj Nabi SAW dalam mendekati golongan mualaf. Ini dapat dilihat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

Terjemahan: “*Sesungguhnya agama ini mudah. Tidaklah seseorang memberat-beratkannya melainkan dia akan tewas. Lakukanlah amalan dengan cara yang benar, lakukanlah semampu kalian, dan terimalah berita gembira. Mohonlah pertolongan (Allah) pada waktu pagi, petang dan akhir waktu malam.*”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab al-Din Yusn, no. hadis 39)

Hadis di atas jelas menunjukkan amalan yang berlebih-lebihan, ekstrim dan berpayahan akan menyebabkan seseorang itu tewas, lemah, letih dan akhirnya akan membinasakan diri. Allah SWT tidak suka seseorang yang melakukan sesuatu amalan sehingga menyeksa diri dan membebankan. Boleh jadi mereka beranggapan semakin sukar sesuatu amalan maka itulah yang paling adhal dan paling banyak ganjaran pahala. Ini merupakan suatu anggapan yang salah dan tidak benar (Ibn Taymiyyah, 2004). Pendekatan *taysir* dapat dilihat dalam titipan Nabi SAW ketika mengutuskan sahabatnya untuk berdakwah dengan kata-kata ‘يُسِّرُوا، وَلَا ثُعِّبُرُوا’ iaitu permudahkanlah dan jangan menyukarkan (al-Bukhārī, 1422H). Al-Nawawi ketika mengulas hadis tersebut menyatakan perlunya bersikap lembut kepada mereka yang mendekati Islam dan jangan bersikap keras terhadap mereka. Demikian juga kepada orang yang baru memeluk Islam, kanak-kanak yang menghampiri usia baligh dan kepada mereka yang mahu bertaubat. Mereka ini perlu didekati dengan penuh kelembutan dan disampaikan ajaran Islam secara berperingkat-peringkat dan bukan secara sekaligus. Mereka juga tidak perlu menghadakan semua kewajipan yang mereka tinggalkan semasa mereka belum Islam seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya (al-Syanqiti, n.d.).

Masyarakat Badwi atau juga dikenali sebagai al-‘Arabi boleh dikategorikan sebagai masyarakat yang terisolasi disebabkan faktor geografi, perbezaan sosiobudaya dan kadar literasi yang sangat rendah. Sebagai kelompok yang keterasingan dalam pelbagai aspek, layanan dan pendekatan hukum oleh Rasulullah SAW sangat berbeza dengan penduduk bandar. Justeru itu pendekatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam berinteraksi dengan mereka sangat berbeza berbanding dengan masyarakat bandar. Pendekatan tersebut dapatlah dirumuskan seperti berikut:

- i. Memudahkan dan tidak membebangkan. Rasulullah SAW sangat memahami masyarakat yang terisolasi seperti Arab Badwi. Lantaran itu pertanyaan yang dikemukakan oleh mereka dijawab dalam bentuk yang

mudah dan tidak merumitkan. Ianya dapat dilihat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

*Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA, seorang Arab Badwi datang menemui Nabi SAW lalu berkata: "Ya Rasulullah, beritahu aku amalan yang akan membuatkan aku masuk ke dalam syurga jika aku melakukannya." Nabi SAW berkata: "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jangan kamu menyekutukanNya, dirikan solat fardu, tunaikan zakat yang wajib dan berpuasalah di bulan Ramadhan". Lelaki itu berkata: "Demi Dia yang diriku ada ditanganNya, aku tidak akan melakukan lebih daripada ini dan tidak akan mengurangkannya." Apabila lelaki itu berlalu pergi, Nabi SAW bersabda: "Sesiapa yang ingin melihat seorang lelaki penghuni Syurga, maka lihatlah kepada lelaki ini"*

(Hadis Riwayat Muslim, Kitab al-Iman, Bab bayan al-Iman alladhi yudkhalu bihi al-Jannah, no. hadis 14)

Dalam hadis yang lain baginda Rasulullah SAW bersabda :

*Terjemahan: Daripada Talhah bin 'Ubaidullah RA, seorang Arab Badwi datang berjumpa Rasulullah SAW dalam keadaan rambutnya yang kusut dan berkata: "Wahai Rasulullah, khabarkan kepada aku solat apakah yang Allah fardukan ke atas diriku?". Baginda SAW menjawab: "Solat lima waktu, kecuali jika engkau hendak menambah dengan mengerjakan solat sunat." Lelaki itu bertanya lagi: "Khabarkan kepada aku puasa apakah yang Allah wajibkan buatku?". Baginda SAW menjawab: "Puasa bulan Ramadhan, kecuali jika engkau hendak menambah dengan mengerjakan puasa sunat." Lelaki itu bertanya lagi: "Khabarkan kepada aku, zakat apakah yang Allah wajibkan ke atasku?", maka Rasulullah SAW menjelaskan kepadanya mengenai syariat Islam, lalu dia berkata: "Demi Zat yang telah memuliakan kamu, aku sama sekali tidak akan mengerjakan amalan yang sunat dan aku juga tidak akan mengurangi sedikit pun apa yang telah Allah fardukan ke atas diriku." Maka Rasulullah SAW bersabda; "Dia seorang yang beruntung jika dia benar atau dia akan memasuki syurga jika dia benar."*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Sawm, Bab Wujub Sawm Ramadan, no. hadis 1792)

Hadis di atas merupakan penerangan oleh Rasulullah SAW mengenai perkara asas dalam Islam. Apa yang menariknya, Baginda SAW akan memberi jawapan yang bersesuaian dengan perihal orang yang bertanya.

Penanya dalam perbualan di atas merupakan seorang Arab Badwi yang berlatar belakang sosiobudaya yang sangat berbeza dengan penduduk bandar. Menurut Hitti, orang Badwi merupakan masyarakat yang tidak ambil peduli tentang agama. Kepercayaan mereka lebih terarah kepada kepercayaan animisme dan gaya hidup barbarism (Philip K. Hitti, 2002). Jawapan ringkas Rasulullah SAW kepada mereka mengenai tuntutan agama dan amalan yang membolehkan mereka masuk syurga dapat dilihat sebagai suatu pendekatan memudahkan dan mampu dilaksanakan oleh Arab Badwi. Jawapan balas oleh lelaki Badwi tersebut yang tidak akan menambah sebarang amalan bahkan tidak pula akan mengurangi segala tuntutan syarak menzhirkan tingkah laku mereka yang hanya akan melaksanakan sekadar yang mencukupi berdasarkan kemampuan mereka.

- ii. Bersifat Toleransi. Nabi Muhammad SAW menggunakan pendekatan toleransi dalam menangani perihal Arab Badwi yang tidak beradab di dalam masjid. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas RA:

*Dari Anas bin Malik, beliau berkata: “Ketika mana kami berada di masjid bersama Rasulullah SAW, tiba-tiba datang seorang Arab Badwi lalu berdiri untuk kencing di masjid. Sahabat Rasulullah menggertaknya, tetapi Rasulullah SAW bersabda: “Janganlah kamu memutuskannya, biarkan dia selesai kencing terlebih dahulu.” Maka, mereka (sahabat) membiarkan orang Arab Badwi itu sehingga dia selesai kencing. Selepas itu, Baginda SAW memanggil lelaki berkenaan dan menasihatinya, “Sesungguhnya masjid ini tidak boleh digunakan untuk kencing dan kekotoran, masjid adalah tempat untuk berzikir, solat dan membaca al-Quran.” Selepas itu, Nabi SAW memerintahkan seseorang untuk mengambil satu baldi air dan menyiramnya”*

(Hadis Riwayat Muslim, Kitab al-taharah, bab wujub ghasl al-bawl wa ghairih min al-najasat idha hasalat fi al-masjid, no. hadis 285)

Hadis di atas memberi panduan kepada kita perlunya kita menyantuni dan menyingskap seseorang bersesuaian dengan keadaan mereka. Arab Badwi di atas bukan merupakan penduduk bandar bahkan beliau sendiri pun tidak menyedari perbuatannya yang salah. Sekiranya lelaki tersebut penduduk bandar nescaya Baginda Rasulullah SAW akan bertindak sebaliknya. Tetapi dalam keadaan tersebut Nabi Muhammad SAW bertindak bersesuaian dengan perihal seseorang yang jahil dengan menasihatinya dengan cara yang lembut.

- iii. Layanan yang baik. Rasulullah SAW sentiasa memberi layanan yang baik kepada orang ramai meskipun baginda dilayan dengan kasar. Dalam hadis yang disampaikan oleh Anas RA:

Terjemahan: *Daripada Anas bin Malik RA, dia berkata: "Pada suatu ketika aku berjalan bersama Rasulullah SAW dan ketika itu Baginda memakai selendang buatan Najran yang tebal hujungnya, maka aku mendapati seorang Arab Badwi menemui Nabi SAW lalu lelaki tersebut merentap selendang Rasulullah SAW dengan kuat sehingga aku melihat permukaan bahu Baginda membekas disebabkan kuatnya rentapan tersebut." Lelaki tersebut berkata: "Wahai Muhammad, berikan kepadaku dari harta yang diberikan Allah kepadamu." Maka Baginda SAW menoleh kepadanya sambil tertawa kemudian meminta salah seorang sahabat untuk memberikan sesuatu kepadanya"*  
(Hadis Riwayat al-Bukhārī, Kitab al-libas, bab al-burud wa al-hibarah wa al-syamalah, no. hadis 5472)

Hadis di atas menunjukkan Nabi Muhammad SAW sangat memahami perwatakan dan karakter Arab Badwi yang sememangnya kasar. Baginda tidak bertindak balas terhadap perbuatan lelaki tersebut meskipun dikasari sehingga meninggalkan kesan. Ini merupakan akhlak Nabi SAW yang berhadapan dengan kaum yang kasar dan jahil akan tetapi dibalas dengan penuh toleransi dan kemaafan. Al-Nawawi ketika mengulas hadis di atas menyatakan tindak balas Nabi Muhammad SAW yang positif terhadap lelaki Badwi itu kerana terdapat kemungkinan pelakunya seorang yang jahil, membala kekasaran dengan kebaikan serta memaafkan orang yang melakukan dosa dan tidak dikenakan hukuman kerana faktor kejahilannya (Al-Nawawi, 1994). Bahkan Nabi SAW melayan orang Badwi tersebut dengan kelembutan dan kesabaran dan disulami dengan ihsan kepada mereka bahkan menceriakan situasi tersebut dengan senyuman dan tawaan.

## KESIMPULAN

Hasil perbincangan di atas dapat dilihat kedudukan masyarakat orang asli hampir menyamai masyarakat Arab Badwi ketika permulaan Islam dan juga termasuk dalam golongan mualaf. Nabi SAW mendekati mereka dengan cara yang baik dan lembut kerana Baginda SAW memahami perihal Arab Badwi dan mereka yang baru memeluk Islam. Mengeluarkan masyarakat dari kekufuran kepada cahaya keislaman merupakan agenda paling penting ketika itu disusuli dengan taklifan syarak secara *tadarruj* dan *taysir*. Lantaran itu masyarakat Islam orang asli juga perlu didekati dengan pendekatan sebegini supaya Islam dilihat sebagai sebuah agama yang mudah untuk diamalkan.

## RUJUKAN

- 'Abdul Muhsin al-'Abbad. (n.d.). *Syarh Sunan Abi Dawud*. tp.  
'Abdullah bin Ibrahim. (n.d.) *Al-tadarruj fi da'wah al-muslim al-jadid*.  
<https://www.alukah.net/sharia/0/27759/>

- Abdul Ghafar Don. (20 November 2014). *Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario Dan Realiti Kefahaman Dan Penghayatan Islam* [Paper presentation]. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Dakwah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī (1993). *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*. Dar Ibn Kathir.
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī. (1422H). *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*. Dar Tuq al-Najah.
- Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim. (1334H). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dar al-Taba’ah al-‘Amirah.
- Abu Dawud Sulayman bin al-Asy‘ath al-Azdi al-Sijistani. (2009). *Sunan Abi Dawud*. Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Abu Zakaria Mahy al-Din Yahya bin Syarf al-Nawawi. (1994). *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Muassasah Qurtubah.
- Abu Zakaria Mahy al-Din Yahya bin Syarf al-Nawawi (n.d.). *Al-Majmu’ yharh al-muhadhdhab li al-Syirazi*. Maktabah al-Irsyad.
- Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani. (1959). *Fath al-bari bi syarh al-Bukhari*. Maktabah wa Matba’ah al-Babi al-Halabi.
- Ahmad bin al-Husain bin Ali al-Bayhaqi. (1989). *Al-Sunan al-saghir*. Jami’ah al-Dirasat al-Islamiyyah.
- Ahmad bin Hanbal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Muassasah al-Risalah.
- Al-Imam al-Hafiz Abi al-Fadl Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman al-Suyuti. (1998). *Al-Tawdih syarh al-jami’ al-sahih*. Maktabah al-Rusyd.
- Azizul Azra Abdul Razak & Mohd. Hisyam Abdul Rahim. (2017) Dakwah bil hal dalam konteks masyarakat semasa di Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017* (INSAN2017), 1-11.
- Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lakhmi al-Gharnati al-Syatibi. (n.d.) *Al-muwafaqat fi usul al-syari’at*. Dar al-Ma’arifat.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (n.d.). *Pembangunan sosioekonomi menjana kehidupan orang asli*. <http://www.jakoa.gov.my/wp-content/uploads/2014/12/Pembangunan-Sosioekonomi.pdf>
- Jawad ‘Ali. (1968). *Al-mufassal fi tarikh al-‘arab qabl al-Islam*. Maktabah al-Nahdah.
- Jum’ah Amin Abdul ‘Aziz. (1999). *Al-da’wah qawa’id wa usul*. Dar al-Da’wah.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Anuar Puteh & Abdul Ghafar Don. (2017). Penerapan fiqh awlawiyyat dalam dakwah kepada saudara baru. *Al-Hikmah*, 9(2), 131-140.
- Mohd Faizal Kasmani, Nurul Asiah Fasehah, Muhamad Rozita Abdullah, Nornajihan Jaafar & Nor Zulaili Mohd Ghazali. (2019). Tindak turut perbualan bersama golongan Badwi dan Ansar: Analisa strategi komunikasi Rasulullah. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 334-352.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Johan, Abu Dardaa Mohamad & Anuar Puteh. (2014). Dakwah saudara baru orang asli dari perspektif maqasid al-

syariah. *Proceedings Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014; Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Disiplin*, 1-15.

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah ,Zulkefli Aini, Mohd Hakim Arshad, Ahmad A’toa’ Mokhtar & Ahmad Fauzi Shahar (2017). Kecekapan Pengurusan Surau Orang Asli Di Selangor Dari Aspek Kewangan. *e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017)*, 328-334.

Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Syawkani. (2007). *Fath al-qadir*. Dar al-Ma’rifah.

Muhammad bin Idris al-Syafi’i. (1993). *al-Umm*. Dar al-Kutb al-‘Ilmiyyah.

Muhammad Habibullah bin ‘Abdullah bin Ahmad al-Syanqiti. (n.d.). *Zad al-muslim fi ma ittafaqa alayh al-Bukhari wa Muslim*. Matba’ah Dar Ihya al-Kutub al-‘Arabiyyah.

Muhammad Salih al-Munjid. (2009). *Al-mufid fi al-ta’amil ma’a al-muslim al-jadid*. Majmu’ah Zad.

Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Aini. (2017). Bahasa da’i dalam komunikasi dakwah kepada masyarakat orang asli. *Al-Hikmah*, 9(1), 110-127.

Philip K. Hitti. (2002). *History of The Arabs*. Palgrave Macmillan.

‘Umar bin ‘Ali bin Ahmad al-Ansari Ibn al-Mulaqqin Siraj al-Din Abu Hafs. (2008). *al-Tawdih li syarh al-jami’ al-sahih*. Dar al-Nawadir.

Taqi al-Din Abu al-‘Abbas Ahmad bin ‘Abd al-Halim bin Taymiyyah al-Harrani. (2004). *Majmu’ fatawa*. Wizarah al-Syu’un al-Islamiyyah wa al-Dakwah wa al-Irsyad.

Wan Afizi Wan Hanafi, Shaharuddin Ahmad & Noraziah Ali. (2017). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak orang asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 107-122.

Yin, R. K. (2003). *Case study research: Design and methods*. Sage. Thousand Oaks.

Yusuf al-Qardawi. (1973). *Fiqh al-Zakah*. Muassasah al-Risalah.

Zohdi Amin et al. (2017). Kaedah taysir halal haram dalam konteks dakwah kepada orang asli: Satu sorotan literatur. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penyelidikan Sirah Nabawi & Pemikiran (ISRA’)* 2017, 1-10.

Zulkefli Aini & Abdul Ghafar Don. (2020). Amalan kemahiran komunikasi pendakwah dengan masyarakat orang asli di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 83-100.

Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh & Nur Damia Husna Nor Sad (2019). Amalan komunikasi dakwah semasa kelas bimbingan fardu ain orang asli muslim di Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 34-47.